

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JMS 213 – Sejarah Politik Malaysia Moden**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Mohammed Noordin Sopiee berpendapat bahawa faktor keselamatan (ancaman komunis) merupakan faktor utama yang membawa kepada pembentukan Malaysia pada tahun 1963 sedangkan J.P. Ongkili pula menyatakan bahawa ancaman komunis, walaupun benar wujud, diheboh-hebohkan oleh Lee Kuan Yew sebagai satu cara mendesak pemimpin Persekutuan Tanah Melayu menerima percantuman. Pandangan sarjana manakah yang lebih tepat? Berikan alasan-alasan anda.  
(25 markah)
2. Kerajaan British berhasrat menyediakan Tanah Melayu ke arah berpemerintahan sendiri melalui penggubalan Perlembagaan Malayan Union 1946. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini menurut pandangan anda dengan merujuk kepada dasar dan matlamat Malayan Union?  
(25 markah)
3. J.M. Pluvier dengan tegas telah menyatakan bahawa nasionalisme Malaya adalah satu mitos dan tidak pernah wujud dalam sejarah Malaysia sehingga 1963. Bersetujukah anda dengan pandangan beliau ini? Penjelasan anda perlulah merujuk kepada sejarah perjuangan nasionalisme di Malaysia sejak tahun 1946.  
(25 markah)
4. Gerakan Islam sepatutnya ditinjau sebagai satu aspek kemunculan nasionalisme Melayu berlandaskan Islam. Bersetujukah anda?  
(25 markah)
5. Sejauh manakah benarnya pandangan Michael B. Leigh yang mengatakan bahawa ketidakseimbangan pengaruh dan kuasa antara parti-parti politik dalam Kerajaan Negeri Sarawak dan hubungan dengan Kerajaan Persekutuan telah mencetuskan krisis politik yang berterusan di Sarawak dari tahun 1965 hingga tahun 1970?  
(25 markah)
6. Bincang dan nilaikan konsep federalisme di Malaysia dengan merujuk kepada hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Kelantan dari tahun 1959 hingga tahun 1978?  
(25 markah)